

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK KERTAS KERJA	:	SEMINAR SISTEM UPAH YANG DIKAITKAN DENGAN PRODUKTIVITI (PLWS) DI MPC WILAYAH SELATAN: PINDAAN PENGGUNAAN BAJET
CADANGAN TARIKH	:	28 Jun 2021 (Johor) 29 Julai 2021 (Melaka) 30 Ogos 2021 (Negeri Sembilan)
TEMPAT	:	MPC WILAYAH SELATAN
HASIL & KOS	:	RM15,000 Bajet Pembangunan (Program Transformasi Upah Ke Arah Peningkatan Produktiviti dan Pampasan Pekerja (TWIP)
BAHAGIAN / WILAYAH / UNIT	:	MPC WILAYAH SELATAN
IMPAK	:	• Meningkatkan pengetahuan dan outreach bagi sistem PLWS khusus kepada syarikat di Wilayah Selatan di bawah program Negeri Produktif • Meningkatkan penyertaan aktif syarikat untuk melaksanakan sistem PLWS dan penyertaan eSPO
BAKI PERUNTUKAN BAJET/ TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN		
ULASAN / TANDATANGAN PENGURUS UNIT PCT		

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
KERTAS MAKLUMAN UNTUK PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN
LEMBAGA PENGURUSAN MPC

SEMINAR SISTEM UPAH YANG DIKAITKAN DENGAN PRODUKTIVITI (PLWS)
DI MPC WILAYAH SELATAN : PINDAAN PENGGUNAAN BAJET

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Kertas makluman ini bertujuan untuk memaklumkan kepada ahli Lembaga Pengurusan (BOM) Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) berkaitan pindaan penggunaan bajet untuk menganjurkan Seminar Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) di MPC Wilayah Selatan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat BOM MPC bertarikh 17 Mei 2021 bil. 533/2021 telah meluluskan bajet pembangunan (Program Transformasi Upah Ke Arah Peningkatan Produktiviti dan Pampasan Pekerja (TWIP)) berjumlah RM31,865.00 bagi penganjuran Seminar Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) di MPC Wilayah Selatan.
- 2.2 Walau bagaimanapun, dengan situasi semasa berlakunya peningkatan yang tinggi dalam kes COVID-19 dan kerajaan Malaysia sedang melaksanakan Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di mana sebarang perhimpunan seperti keraian dan seminar tidak dibenarkan dijalankan secara fizikal.
- 2.3 Mengambil kira akan perkara ini, MPC Wilayah Selatan telah mengambil keputusan untuk menganjurkan Seminar Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) secara maya dan bukan secara fizikal seperti yang telah dirancang dan diluluskan oleh BOM sebelum ini.

3.0 OBJEKTIF

Objektif penganjurkan seminar secara maya adalah untuk:

- 3.1 Meningkatkan pemahaman dan penglibatan syarikat di Wilayah Selatan dalam menggunakan sistem PLWS.
- 3.2 Sebagai platform untuk mempromosikan eSPO kepada syarikat di Wilayah Selatan.
- 3.3 Perkongsian amalan terbaik syarikat yang telah berjaya menggunakan sistem PLWS di syarikat masing-masing
- 3.4 Membantu syarikat di Wilayah Selatan dalam usaha meningkatkan produktiviti dan daya saing dengan menjalankan program peningkatan produktiviti dan kualiti.
- 3.5 Membolehkan lebih ramai peserta dapat mengikuti seminar ini kerana boleh diakses secara atas talian.

4.0 KAEDAH PERLAKSANAAN

- 4.1 Seminar PLWS akan diletakkan di bawah program Negeri Produktif 2021 dan akan dilaksanakan bermula Jun sehingga Ogos 2021 secara maya.
- 4.2 Seminar ini akan dijalankan selama 4 jam dan tenaga pengajar bagi pelaksanaan seminar ini adalah dicadangkan dari kalangan MPC Associates yang akan dikoordinasikan oleh unit PLWS.
- 4.3 Bagi perkongsian amalan terbaik syarikat, wakil syarikat akan dijemput bagi setiap negeri berkongsi kejayaan dan impak PLWS ke atas syarikat.

5.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

Anggaran perbelanjaan bagi menganjurkan Seminar PLWS di Wilayah Selatan secara maya adalah sebanyak RM15,000 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Ribu Sahaja) dengan menggunakan pindaan dari bajet pembangunan TWIP yang telah diluluskan oleh mesyuarat BOM bil. 533/2021. Anggaran perbelanjaan adalah seperti di **Lampiran 1**.

6.0 SYOR/PERAKUAN

Adalah disyorkan pihak BOM MPC untuk mengambil maklum dan meluluskan pindaan penggunaan bajet ini bagi MPC Wilayah Selatan menganjurkan Seminar PLWS di Wilayah Selatan secara maya.

Disediakan Oleh:



(Nahdatul Faeizin Norman)

Penolong Pengurus

MPC Wilayah Selatan

Tarikh: 1/6/2021

Disemak Oleh:




(Norain Ahmad Kamil)

Pengurus Kanan

MPC Wilayah Selatan

Tarikh: 1/6/2021

Disokong Oleh:



(Zainudin Elias)

Pengarah

MPC Wilayah Selatan

Tarikh: 3/6/2021

Disokong Oleh:



(Sugumar Saminathan)

Pengarah

Unit PLWS

Tarikh: 3/6/2021

**Anggaran Perbelanjaan bagi Seminar PLWS di Wilayah Selatan Secara Maya
(Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan)**

Bil	Item	Perbelanjaan	Jumlah (RM)
1.	Bayaran Penceramah	RM300.00 x 2 jam x 3 (negeri)	1,800.00
2.	Bayaran Penceramah Jemputan Syarikat	RM300.00 x 2 jam x 3 (negeri)	1,800.00
3.	Koordinator	RM1,000.00 x 3 (negeri)	3,000.00
4.	Moderator	RM250.00 x 4 jam x 3 (negeri)	3,000.00
5.	E-baucer	RM15.00 x 120 peserta x 3 (negeri)	5,400.00
Jumlah Keseluruhan			15,000.00